

HARI : SELASA
TARIKH : 18/6/2019
M/SURAT : 7

KENAIKAN HARGA SIMEN

Rujuk, dapat kelulusan KPDNHEP dulu

Putrajaya: Sebarang keputusan untuk menaikkan harga simen perlu dirujuk dan mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kelulusan itu adalah seperti yang dinyatakan dalam "Syarat-syarat Khas bagi Pembronong Simen" di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan bukan keputusan mutlak syarikat pengeluar simen.

"Kementerian mengambil maklum sumber berita yang melaporkan bahawa harga simen akan mengalami kenaikan secara mendadak.

"Sebagai kementerian yang bertanggungjawab kepada isu harga serta sekretariat kepada Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang memantau isu kos sara hidup rakyat, beberapa tindakan segera dikeluarkan berhubung isu berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, Bahagian Pengukuasaan KPDNHEP akan segera

mengeluarkan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kepada 19 kilang pengeluar simen seluruh negara.

Mahu dapat penjelasan

Saifuddin berkata, notis ini dikeluarkan untuk mendapatkan penjelasan daripada syarikat terbabit berkenaan punca kenaikan harga simen yang mana ia harus dijawab dalam tempoh tujuh hari dari tarikh dikeluarkan.

Beliau berkata kegagalan menjawab dalam tempoh itu

akan mengundang kepada tinjakan undang-undang mengikut akta sama.

"KPDNHEP setakat ini belum menerima sebarang makluman rasmi daripada syarikat pengeluar simen berkenaan isu ini dan sudah mengarahkan agar mereka segera berbuat demikian.

"Kerajaan menyeru agar sebarang pengumuman yang bersifat sensitif seperti ini dibincangkan dan dirujuk bersama terlebih dahulu agar kepentingan rakyat dan pihak terbabit akan dilindungi," katanya.